

# MANUAL PENGGUNA



**Sistem Maklumbalas**

*Politeknik Ungku Omar*

*Politeknik Premier*

Unit Teknologi Maklumat

Politeknik Ungku Omar

1/1/2015

# SISTEM MAKLUMBALAS

Sistem Maklumbalas ini merupakan satu sistem yang berasaskan web. Sistem ini boleh dicapai oleh pengguna melalui Internet, sama ada semasa berada di dalam atau di luar kampus Politeknik Ungku Omar, PUO.

Sistem ini menyediakan satu kemudahan kepada para pengguna untuk memasukkan maklumbalas mereka secara online, pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Pengguna juga boleh melihat status maklumbalas dan tindakan pembetulan yang diberikan oleh pihak yang terlibat.

Untuk menggunakan Sistem Maklumbalas, anda boleh mencapainya menerusi laman web rasmi Politeknik Ungku Omar di <http://www.puo.edu.my>



Untuk mula menggunakan Sistem Maklumbalas, sila klik pada pautan Sistem Maklumbalas.

Anda akan diberikan empat (5) menu utama iaitu Info, Maklumbalas Baru, Status Maklumbalas, FAQ dan Portal PUO. Anda boleh menurunmuat Manual Pengguna yang diberikan sebelum menggunakan sistem ini.

The screenshot shows the 'Sistem Maklumbalas' application. At the top, there is a banner featuring a laptop displaying a building, the text 'Sistem Maklumbalas', 'Politeknik Ungku Omar', 'Politeknik Premier', the Malaysian coat of arms, and the 'POLITEKNIK MALAYSIA' logo. Below the banner is a horizontal navigation bar with links for 'Info', 'Maklumbalas Baru', 'Status Maklumbalas', 'FAQ', and 'Portal PUO'. The main content area has a large green button labeled 'INFO' with a document icon. Underneath it, there is a section titled 'Pengenalan' with the following text:  
Sistem Maklumbalas ini merupakan sebuah sistem berdasarkan web yang memberikan peluang kepada anda semua untuk menyampaikan aduan/cadangan/penghargaan kepada Politeknik Ungku Omar. Segala aduan/cadangan/penghargaan yang diberikan akan diterima dan dijawab oleh pihak yang terlibat dengan seujamnya. **Setiap Aduan yang diterima akan dijawab dalam tempoh 10 hari bekerja (tidak termasuk hari maklumbalas diterima)**.  
Terdapat empat (4) pilihan menu diberikan kepada anda iaitu **Info**, **Maklumbalas Baru**, **Status Maklumbalas** dan **Logout**.  
1. Info : Pengenalan dan mendapatkan manual pengguna.  
2. Maklumbalas Baru : Sila pilih menu ini untuk memasukkan maklumbalas (aduan/cadangan/penghargaan) yang baru.  
3. Status Maklumbalas : Sila pilih menu ini untuk menyemak status maklumbalas anda dengan memasukkan No. K.P ATAU No.Pendaftaran Pelajar ATAU Pengenalan Lain.  
4. FAQ : Mengelahui soalan-soalan yang sering dipersoalkan oleh pengguna.  
5. Portal PUO : Kembali ke laman web resmi PUO.

## 1. Maklumbalas Baru

The screenshot shows a web-based application titled 'INFO PENGADU'. The form fields include:

- Nama : [Text input field]
- No. K.P ATAU No. Pendaftaran ATAU Pengenalan Lain : [Text input field] (contoh: 800610085623)
- Jantina :  Lelaki  Perempuan
- Bangsa : Sila pilih [Dropdown menu]
- Alamat : [Text input field]
- Negeri : PERAK [Dropdown menu] \*
- No. Tel (R) : [Text input field] (contoh: 05-5457656)
- No. Tel (H/P) : [Text input field] (contoh: 019-6817733)
- Email : [Text input field]
- Kategori : IBU/BAPPA/PENJAGA [Dropdown menu] \*

Below the form is a CAPTCHA image showing the words 'INFO PENGADU' in green and blue. A text field below it asks 'Sila taipkan semula kod di atas untuk pengesahan : [Text input field]'.

At the bottom, a note states: 'Nota: Medan bertanda \* wajib diisi bagi mendapatkan status maklumbalas'.

A button at the bottom right says 'Simpan dan Seterusnya >>'.

Rajah 1.2: Paparan Skrin Info Pengadu

Sekiranya anda ingin memasukkan sebarang maklumbalas yang baru, sila lengkapkan borang Info Pengadu seperti yang dipaparkan di Rajah 1.2 di atas. Sila pastikan medan-medan yang bertanda \* (berwarna merah) diisi. Bagi pengguna yang pernah menggunakan sistem ini, anda masih perlu mengisi borang tersebut. Sila klik pada butang Simpan dan Seterusnya >> untuk memasukkan maklumbalas anda.

Rajah 1.3: Paparan Skrin Info Maklumbalas


Seterusnya, sila pilih Jabatan/Bahagian/Unit yang diadu, Jenis dan Kategori Kes. Kemudian, masukkan butiran maklumbalas. Butiran maklumbalas yang hendak dimasukkan adalah terhad kepada 40 perkataan sahaja. Sila pastikan medan-medan yang bertanda \* (berwarna merah) diisi. Sila klik pada butang Simpan untuk menyimpan maklumbalas yang telah dimasukkan.

Sekiranya anda ingin memasukkan maklumbalas yang seterusya, sila pilih Jabatan/Bahagian/Unit Yang Diadu, Kategori Kes, masukkan butiran maklumbalas dan klik pada butang Simpan tanpa perlu mengisi borang Info Pengadu sekali lagi. Bilangan maklumbalas yang boleh dimasukkan adalah terhad kepada empat (4) maklumbalas sahaja. Sekiranya anda ingin memasukkan maklumbalas yang ke-lima, anda perlu mengisi borang Info Pengadu sekali lagi.

## 2. Status Maklumbalas

Sila pilih menu ini sekiranya anda ingin menyemak status maklumbalas yang telah anda hantar.

Sila masukkan No. K.P atau No. Pendaftaran atau Pengenalan Lain yang anda masukkan semasa mengisi borang Info Pengadu. Seterusnya, klik pada butang Cari.



Rajah 1.4: Paparan Skrin Status Maklumbalas

Satu senarai maklumbalas yang pernah diisi akan dipaparkan. Senarai ini akan memaparkan Status Tindakan/Pembetulan yang telah diambil dan juga Status Maklumbalas untuk rujukan anda.

Untuk keluar daripada sistem ini, klik pada menu Portal PUO. Laman web rasmi Politeknik Ungku Omar akan dipaparkan.

Disediakan oleh:

Unit Teknologi Maklumat  
POLITEKNIK UNGKU OMAR  
Jalan Raja Musa Mahadi  
31400 Ipoh  
Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05-5457656

Hakcipta Terpelihara © 2015 Unit Teknologi Maklumat